

CNS4419

R GB 15-04 00171 BH856

aab

Mahathir - Kemboja

KEMBOJA PERLU DIBERI PERHATIAN SEWAJARNYA, KATA MAHATHIR

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

PHNOM PENH, 15 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru peniaga-peniaga Malaysia supaya memberi perhatian yang sewajarnya kepada Kemboja dan mempertimbang dengan serius pelaburan dalam projek-projek pelancongan seperti hotel dan pusat percutian, pembinaan jalan, penjanaam elektrik, telekomunikasi dan penerokaan sumber.

Beliau berkata ini merupakan antara bidang yang masih ketinggalan di Kemboja dan diberi keutamaan oleh kerajaan Kemboja.

Perdana Menteri, yang kini berada dalam rangka lawatan dua hari ke negara ini, memberitahu persidangan akhbar di sini, sehingga ini pelabur-pelabur Malaysia tidak memberi perhatian yang sewajarnya terhadap negara itu kerana lebih menumpukan perhatian kepada negara-negara seperti China, Vietnam dan beberapa pusat pertumbuhan lain.

"Kita tidak mempunyai bilangan pelabur yang besar. Kini dengan peluang yang begitu banyak mereka agaknya keliru," kata beliau.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh satu delegasi 69 orang, bagaimanapun yakin bahawa keadaan itu akan berubah dari sekarang. -- Lagi

▼15/04/14-51MST

R GB 15-04 00130 BH857

aab

Mahathir - Kemboja 2 Phnom Penh

"Kini mereka berada di sini untuk melihat sendiri peluang-peluang pelaburan, saya pasti mereka akan melabur di sini," kata beliau.

Perdana Menteri yang semalam mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Pertama Putera Norodom Ranariddh dan Perdana Menteri Kedua Hun Sen, berkata lawatan beliau itu "sangat bermakna".

Beliau berkata, memandangkan hubungan rapat antara kedua-dua negara daripada segi sejarah, lawatan itu yang merupakan yang pertama bagi seorang Perdana Menteri Malaysia dalam tempoh 30 tahun, pasti sangat bermakna.

Perdana Menteri Pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra melawat Kemboja pada 1964.

Mengenai permintaan Kemboja untuk bantuan dalam bidang latihan serta kemahiran teknikal dalam penanaman kelapa sawit dan getah, Dr Mahathir berkata Malaysia bersetuju untuk memenuhi permintaan itu. -- Lagi

▼15/04/14-54MST

aab

Mahathir - Kemboja 3 (Akhir) Phnom Penh

Pegawai-pegawai Malaysia akan dihantar ke sini untuk mengendali seminar dan kursus-kursus latihan bagi pegawai-pegawai Kemboja dalam pelbagai bidang yang diperlukan, katanya.

Dalam penanaman kelapa savit, katanya, kajian lanjut perlu dibuat untuk memastikan sama ada keadaan cuaca di Kemboja sesuai untuk tanaman tersebut.

Dr Mahathir berkata Kemboja juga bersetuju untuk menandatangani perjanjian jaminan pembayaran dua hala dengan Malaysia untuk memudahkan perdagangan.

Sebelum itu, semasa berucap pada satu pertemuan antara peniaga-peniaga Malaysia dan Kemboja, Perdana Menteri memberitahu mereka bahawa kedua-dua kerajaan akan terus memperkukuhkan perjanjian institusi yang sedia ada untuk memberi keyakinan kepada sektor swasta menjalankan perniagaan atas dasar berterusan.

Beliau berkata, walaupun pada masa ini kehadiran perniagaan Malaysia di Kemboja hanya pada peringkat sederhana, ia merupakan langkah dalam arah yang betul untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Beberapa syarikat Malaysia kini sedang beroperasi dalam sektor-sektor seperti perbankan, akhbar, penerbitan, hotel, telekomunikasi, restoran, pengangkutan, perkapalan, pengeluaran minuman dan petroleum.

Jumlah pelaburan Malaysia setakat ini ialah RM108 juta (AS\$40 juta). --

Bernama

ARS PR SIA

▼15/04/15-17MST